KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

13th MALAYSIAN ROAD CONFERENCE AND EXHIBITION 2026 DAN 6TH INTERNATIONAL ROAD FEDERATION GLOBAL ASIA-PACIFIC REGIONAL CONGRESS

KUALA LUMPUR - Persidangan Jalan Se-Malaysia Ke-13 dan Kongres Jalan Asia Pasifik Ke-6 atau ***13th Malaysian Road Conference and Exhibition 2026*** **dan** ***6th International Road Federation Global Asia-Pacific Regional Congress*** telah dirasmikan hari ini oleh Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.

2. Persidangan ini bertemakan "***Transforming the Nation Through Future Ready Roads"*** yang mencerminkan komitmen Malaysia dalam menyediakan infrastruktur jalan untuk masa hadapan yang berdaya tahan, mampan serta mengekalkan kelestarian selaras dengan landskap pembangunan yang semakin kompleks pada masa ini yang dihadiri oleh 850 peserta. YBhg. Dato' Seri Azman Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya turut menyampaikan ucaptama berinspirasi pada sesi pertama memulakan *13th Malaysian Road Conference 2026 & 6th IRF Asia Pacific Regional Congress*. Diikuti ucaptama oleh YBhg. Dato' Ir. Ibrahim bin Esa, Ketua Pengarah Kerja Raya dan Yang Dihormati Ir. Mohd Hadzmir Yusoff, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, pada hari kedua persidangan.

3. Dalam penganjuran 13th MRC 2026 pada kali ini, pelbagai aktiviti dan program menarik telah disusun bagi memastikan peserta yang hadir akan mendapat manfaat yang sewajarnya. Aktiviti-aktiviti yang akan berlangsung adalah:

a. Sesi Pembentangan Kertas Kerja Teknikal sebanyak 118 bilangan kertas kerja merangkumi 10 sub bidang utama kejuruteraan jalan;
b. Sesi reruai yang melibatkan sebanyak 112 ruang pameran yang disertai oleh wakil industri dalam dan luar negara;
c. Anugerah Kecemerlangan Kejuruteraan Jalan yang akan memberi pengiktirafan kepada projek jalan yang mencapai tahap kecemerlangan dari aspek reka bentuk, pembinaan dan ciri-ciri kelestarian. Dua (2) kategori projek yang terlibat adalah projek yang bernilai antara RM50 juta hingga RM100 juta dan projek yang bernilai melebihi RM100 juta;
d. Program *Young Engineers and Professionals* (YEP) akan mengupas topik

bagaimana untuk menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) dalam meningkatkan Kejuruteraan Jalan di masa depan sebagai menyokong *"Elevating the Future of Road Engineering with Artificial Intelligence at MRC 2026!".* Terdapat juga pertandingan mereka bentuk aplikasi pembangunan kejuruteraan jalan *AI-Pathfinder*;

e. Pertandingan Inovasi yang dinamakan sebagai *Malaysian Road Conference Invention & Innovation Exhibition 2026* (MRC – IIE 2026) bagi memberi peluang kepada golongan akademik dan penyelidik dari sektor awam dan swasta dalam mengetengahkan produk dan inovasi masing-masing; dan

f. Lawatan Teknikal untuk memberi ruang kepada para peserta untuk meninjau perkembangan pembangunan sektor pembinaan infrastruktur di negara ketika ini yang melibatkan empat (4) projek mega dalam negara iaitu:

- West Coast Highway (WCE)
- East Coast Rail Link (ECRL)
- Kuala Lumpur Command and Control Centre (KLCCC)
- East Klang Valley Expressway (EKVE)

4. Secara keseluruhannya, penganjuran 13th MALAYSIAN ROAD CONFERENCE AND EXHIBITION 2026 DAN 6TH INTERNATIONAL ROAD FEDERATION GLOBAL ASIA-PACIFIC REGIONAL CONGRESS pada kali ini telah memberi aspirasi dan membuka ruang yang lebih luas untuk mengembangkan dan berkongsi teknologi dan inovasi dalam bidang kejuruteraan jalan tempatan ke peringkat antarabangsa bagi mencapai kualiti pengurusan aset jalan yang lebih berdaya tahan dan kekal lestari untuk generasi akan datang.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
13 OKTOBER 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#TangkasBertindak
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja